




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 348 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 47,139 kes. Tiga (3) kes kematian direkodkan hari ini, iaitu dua (2) kes di Sandakan dan satu (1) kes lagi di Beaufort. Takziah diucapkan kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 400 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 42,806 orang. Sejumlah 2,678 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 832 orang di hospital, 1,827 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 19 orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 91 orang dan 23 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada penambahan zon merah dicatatkan

- 4 Pada hari ini, **satu (1) kluster baharu** dilaporkan:
 - i. **Kluster Industri Apas** di Tawau mengesan dua (2) lagi kes baharu pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 22 kes. Kes indeks merupakan penjaga stor di kilang udang di Batu 3 di Mukim Sri Tanjung, Tawau yang disahkan positif COVID-19 melalui saringan bergejala pada 16 Januari 2021. Saringan kontak rapat masih lagi dijalankan.
- 5 Daripada 348 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 251 kes (72.1%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 50 kes (14.4%), saringan kluster baharu dan sedia ada 20 kes (5.7%), saringan pelajar masuk asrama satu (1) kes (0.3%), PERKESO satu (1) kes (0.3%) dan 25 kes (7.2%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,106 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,592 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara pula kekal 1,100 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,798 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 39.9%.

B PERINGATAN BAGI PERMOHONAN MERENTAS DAERAH

- 1 Kerajaan negeri menasihatkan rakyat agar mematuhi arahan merentas daerah untuk urusan perlu sahaja. Orang ramai dilarang membuat permohonan rentas daerah tanpa arah tujuan sebenar.
- 2 Walaupun beberapa sektor ekonomi dibenarkan beroperasi oleh kerajaan, namun ia bukanlah pendorong kepada pergerakan bebas untuk orang awam berulang kali keluar rumah. Individu perlu ada integriti tinggi dan bertanggungjawab dalam memastikan pematuhan PKP benar-benar dipatuhi untuk mengurangkan risiko jangkitan;

C BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Sehingga hari ini, sebanyak **321,756** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 63 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 35,158 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 101 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun, 62 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 76 hebahsan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 25 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 10 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam melibatkan lapan (8) premis, di lima (5) buah daerah iaitu Kota Kinabalu, Kota Marudu, Sandakan, Kunak dan Kudat.
- 4 Hebahsan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhuan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 141 lokasi di 17 daerah dengan hebahsan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Dusun, Bahasa Bajau dan Bahasa Iranun.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.65%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Belud	93.5%
2	Tenom	93.5%
3	Kudat	93.5%
4	Sipitang	93%
5	Ranau	93%
6	Kunak	93%
7	Beluran	93%
8	Kota Marudu	93%
9	Kinabatangan	93%
10	Beaufort	93%
11	Tuaran	92.5%
12	Papar	92.5%
13	Kota Kinabalu	92.5%
14	Keningau	92%
15	Sandakan	92%
16	Semporna	92%
17	Penampang	92%
18	Lahad Datu	92%
19	Tawau	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN DAN
MENTERI KEWANGAN II**

25 Januari 2021